

# Perdana Menteri kunjungi gua terbesar di dunia

MULU 25 Mei — Taman Negara Gunung Mulu yang terletak ke timur bandar Miri, Sarawak kini merupakan taman negara yang paling popular di Malaysia.

Di taman inilah terletak gua yang paling besar di dunia yang boleh memuatkan kapal - kapal terbang Boeing 747 (pesawat penumpang yang terbesar di dunia).

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang pertama kali melawat gua-tersebut Jumaat lalu amat tertarik dengan keunikan alam semula-

UM 1991 Oleh  
**Rozaid Abdul Rahman**  
GAMBAR: ABDUL KADIR BACHOK

jadinya dan mencadangkan supaya usaha-usaha memperkenalkan gua ini pada pelancong asing dilakukan dengan segera.

"Gua Mulu pada saya adalah merupakan gua yang paling istimewa sekali di dunia. Ia sungguh luar biasa dan berpotensi untuk menjadi pusat tarikan pelancong yang terbesar di negara ini, malah saya berpendapat keunikannya adalah lebih hebat dari Disney World," ujar beliau.

Dalam lawatan dua hari ke taman tersebut, Dato' Sri Dr. Mahathir telah dibawa ke Gua Rusa yang memiliki lorong - lorong gua yang terbesar di dunia dan juga Gua Lang.

Beliau menghabiskan masa selama tiga jam di gua-gua tersebut di mana di dalamnya terdapat juga sungai bawah tanah yang mengalir deras menuju ke destinasi yang tidak diketahui hujungnya — satu keunikan

alam semula jadi yang masih dara dan perlu diterokai.

Untuk sampai ke Taman Negara Gunung Mulu, seseorang pelancong perlu menaiki bot selama tujuh jam dari Kuala Baram di Daerah Miri.

Bagaimanapun, untuk kemudahan pelancong yang tidak mahu menghadapi cabaran jeram dan sungai, Perdana Menteri telah mengumumkan kelmarin bahawa kerajaan akan membina sebuah lapangan terbang di taman tersebut yang akan siap pada pertengahan tahun depan.

Taman Negara Gunung Mulu meliputi kawasan seluas 52,866 hektar.